Tidak beriman seseorang kalian sehingga hawa nafsunya mengikuti apa yang aku bawa

Daripada Abu Muhammad, ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Ash رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: "Tidak beriman seseorang kalian sehingga hawa nafsunya mengikuti apa yang aku bawa."

[قال النووي: حديث صحيح] [رويناه في كتاب الحجة بإسناد صحيح]

Nabi ﷺ menjelaskan bahawa seseorang itu tidak menjadi mukmin yang sempurna imannya sehingga kecintaannya mengikuti apa yang dibawa oleh Rasul ﷺ berupa perintah dan larangan serta syariat-syariat lain. Dia mencintai apa yang diperintahkan dan membenci apa yang dilarang.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/66535